



## Bekalan makanan negara terjamin, mencukupi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Julai 27, 2023 @ 4:45pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Tahap keterjaminan makanan di Malaysia, masih stabil susulan pelbagai usaha kerajaan, termasuk penyaluran bantuan kepada golongan sasar.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata bantuan berkenaan mampu membantu meningkatkan sektor agromakanan dan import untuk memastikan bekalan makanan mencukupi.

"Berdasarkan trend pengeluaran dan import semasa, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) yakin bekalan makanan dalam negara mencukupi bagi menampung keperluan domestik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Forum Menteri Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 di Auditorium Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, hari ini.

Forum itu membabitkan empat panel iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPBM, Datuk Badrul Hisham Mohd; Felo Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Fatimah Mohamed Arshad; Penggerusi Johor Plantations Berhad, Tan Sri Dr Ismail Bakar; dan Pemilik Evergreen Livestock Sdn Bhd, Datuk Yap Yun Fook.

Mohamad berkata, agenda keterjaminan makanan negara memerlukan pembabitan semua pihak dalam membuat perancangan dan halatuju pembangunan industri agromakanan negara.

"Semua pihak perlu komited dalam meningkatkan keterjaminan makanan di samping usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import.

"Kerajaan mengharapkan cadangan dan tindakan lebih agresif dapat dirangka dalam menaikkan kapasiti pengeluaran makanan," katanya.

Ketika ini, katanya, kebergantungan terhadap import makanan semakin meningkat dengan data menunjukkan RM63.6 bilion pada 2021 dan meningkat kepada RM75.5 bilion tahun lalu.

Mohamad berkata, sumber import masih diperlukan kerana sesetengah komoditi makanan tidak dapat dihasilkan secara domestik atas faktor kesesuaian iklim, tidak ekonomik, kekangan sumber tanah dan tenaga kerja.

"Kebergantungan tinggi terhadap import memberi cabaran berterusan kepada kementerian dalam mencapaiimbangan dagangan yang positif," katanya.